

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Dr. NOOR AZMI BIN GHAZALI

TARIKH : 19 MEI 2016 (KHAMIS)

SOALAN : 53

Dr. Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan dalam 4 tahun lagi, Wawasan 2020 akan melabuhkan tirainya. Malaysia dijangka akan berganjak ke era baru sebagai negara berpendapatan tinggi. Apakah unjuran terkini tahap pendapatan negara dan adakah Malaysia akan berjaya mencapai tahap pendapatan tinggi yang disasarkan.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Pendapatan per kapita negara pada tahun 2015 adalah sebanyak RM36,285 atau USD9,291, iaitu 27 peratus lebih rendah berbanding dengan anggaran paras minimum status negara berpendapatan tinggi terkini yang ditetapkan oleh Bank Dunia sebanyak USD12,736. Berdasarkan unjuran pertumbuhan KDNK sebanyak 5 hingga 6 peratus setahun dalam Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 (RMK11), pendapatan per kapita negara disasarkan meningkat kepada RM54,100 pada tahun 2020 iaitu melebihi paras minimum status negara berpendapatan tinggi yang dianggarkan sebanyak USD15,000.

Bagi mencapai matlamat ini, Kerajaan telah menggariskan beberapa strategi jangka sederhana dan jangka panjang yang akan dilaksanakan dalam tempoh RMK11. Penekanan akan diberi untuk mengukuhkan lagi daya tahan ekonomi serta memastikan persekitaran ekonomi yang kondusif dan berdaya saing dengan harga yang stabil. Antara strategi utama yang akan dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. Meningkatkan produktiviti untuk memastikan pertumbuhan mampan dan inklusif;
2. Menggalakkan pelaburan swasta untuk menerajui pertumbuhan ekonomi;
3. Meningkatkan eksport untuk menambah baikimbangan perdagangan;

4. Meningkatkan fleksibiliti dasar fiskal untuk memastikan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan yang lebih mampan;
5. Mengupayakan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) yang diterajui industri; dan
6. Menjana kekayaan melalui inovasi.

Berdasarkan kepada langkah dan strategi yang dinyatakan di atas, Kerajaan yakin negara mampu untuk terus mengekalkan pertumbuhan ekonomi yang mampan serta berada di landasan untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi dan inklusif menjelang 2020.

Sekian, terima kasih.